

18 MAR 2001

Dompok-Kabinet

DOMPOK MAHU WAKIL UPKO SEKARANG KEKAL DALAM KABINET BARU SABAH

KOTA KINABALU, 18 Mac (Bernama) -- Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok mahu wakilnya dalam Kabinet negeri sekarang dikekalkan.

"Saya tidak nampak sebab mengapa mereka tidak harus dikekalkan dalam Kabinet baru. Kami bertanding dalam pilihan raya negeri 1999 dan menyokong kerajaan," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat tahunan Dewan Perniagaan dan Industri Kadazandusun di sini hari ini.

Dua pemimpin Upko - Datuk Wilfred Bumburing yang dilantik dan anggota dewan undangan negeri Kuala Penyu Datuk Wences Anggang menyertai Kabinet yang ditubuhkan selepas pilihan raya negeri 1999.

Bumburing yang juga Timbalan Presiden Upko dilantik Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, dan Wences, setiausaha agung parti dilantik Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat.

Wakil-wakil lain Upko yang menang dalam pilihan raya itu -- Datuk Siringan Gubat dilantik sebagai Pembantu Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Makanan.

Semalam, bakal Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat berkata "ada perubahan menarik dan signifikan" dalam barisan Kabinet baru Sabah.

Chong berkata beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu depan untuk menyiapkan senarai anggota Kabinet.

Dr Mahathir mengumumkan pada Jumaat lepas bahawa Chong akan menggantikan Datuk Osu Sukam sebagai Ketua Menteri di bawah sistem penggiliran jawatan itu.

Terdahulu, ketika berucap, Dompok menggesa masyarakat Kadazandusun terutama para usahawan supaya bersikap proaktif dan memperluaskan pasaran perniagaan mereka dalam menghadapi era globalisasi.

"Masyarakat Kadazandusun juga harus bekerja keras dan menyokong kerajaan agak tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara," kata beliau.

-- BERNAMA

NT FAZ